

# Peraturan baharu jaga kelestarian alam sekitar diperkenal

## Peraturan Kelayakan dan Pendaftaran Juruaudit Luar Bertauliah, 2024 dan Peraturan Pembakaran dan Pelepasan, 2024

Oleh Jessica Jawing

**KUCHING:** Kerajaan negeri bakal memperkenalkan dua peraturan baharu iaitu Peraturan Kelayakan dan Pendaftaran Juruaudit Luar Bertauliah, 2024 dan Peraturan Pembakaran dan Pelepasan, 2024 sebagai inisiatif menjaga kelestarian alam sekitar di negeri ini.

Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata, bagi Peraturan Kelayakan dan Pendaftaran Juruaudit Luar Bertauliah, ia untuk memastikan pematuhan kod etika dan bertanggungjawab untuk pengesahan laporan yang tepat sekali gus menyokong sasaran pengurangan pelepasan gas rumah hijau Sarawak.

Sementara Peraturan Pembakaran dan Pelepasan, 2024 mengawal selia aktiviti pembakaran dan pelepasan gas di Sarawak dengan menguatkuasakan kawalan ketat

dan memerlukan persetujuan daripada Kontroler Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB).

“Peraturan pertama (pengauditan), adalah jika ada sebarang laporan yang dibuat dan laporan itu akan diaudit. Di mana kita ada undang-undang yang akan menguruskan supaya laporan itu adalah sah.”

“Sementara peraturan kedua adalah berkaitan pembakaran dan pelepasan gas, ini akan dipantau oleh NREB di mana ia akan diguna pakai pada tahun 2025.

“Ini bermakna, ada tahap tertentu (pelepasan atau pembakaran) yang akan dikawal dan dipantau oleh kontroler NREB, beliau yang akan mengeluarkan lesen ini,” katanya.

Abang Johari berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Majlis Perasmian Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Sarawak yang dihadiri Kontroler Kualiti Alam Sekitar NREB

“Peraturan pertama (pengauditan), adalah jika ada sebarang laporan yang dibuat dan laporan itu akan diaudit. Di mana kita ada undang-undang yang akan menguruskan supaya laporan itu adalah sah.”

Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg  
Premier Sarawak

Sarawak Datu Jack Liam di sini, semalam.

Menurut Abang Johari, NREB dan beliau telah bersetuju dengan peraturan berkaitan audit berkenaan yang akan mengesahkan kualiti proses yang dilaporkan bagi memastikan udara bersih dan dijaga.

Terdahulu dalam ucapannya Abang Johari berkata, kerajaan negeri amat mengalu-alukan penyertaan sektor swasta dalam menjaga kelestarian alam sekitar khususnya

industri minyak dan gas.

Jelasnya, tidak dinafikan ada segelintir syarikat yang masih mengeluarkan bahan-bahan yang boleh menjejaskan alam sekitar semasa mereka beroperasi.

“Maka itu kita mahu mereka ini bekerjasama dengan NREB dalam usaha ini dan paling penting adalah kesedaran serta pendidikan mereka terhadap kepentingan menjaga alam sekitar agar ia selamat,” ujarnya.

Sementara itu berhubung



**MESRA:** Abang Johari (tengah) beraksi bersama pelajar SK Abang Kadir Gedong yang telah membuat persembahan *Bicara Berirama Alam Sekitar* sempena HASN. — Gambar Mohd Faizal Ahmad

program yang diadakan, Abang Johari telah mengemukakan bersetuju untuk memperuntukkan RM1.5 juta pada tahun depan kepada NREB bagi program

penubuhan Kelab Pencinta Alam Sekitar (PALS) di sekolah negeri ini.

Jelasnya NREB telah menyasarkan semua sekolah rendah dan menengah mem-

punyai PALS menjelang 2030 dan beliau dengan itu bersetuju untuk memperuntukkan RM13 juta bagi keseluruhan tahun sehingga 2030.